

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

**JMG 416 – Perancangan Alam Sekitar dan  
Pengurusan Sumber Asli**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab EMPAT daripada enam soalan.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Tiap-tiap soalan menyumbangkan 100 markah.

**Bahagian A (Jawab DUA soalan sahaja)**

1. Telitikan petikan iklan (terjemahan) The Star, Isnin, November 11, 2002 bagi pihak tetuan Gunung-Ganang Corporation Sdn. Bhd (476117-P) beralamat di 53 – 2, Jalan SP 2/1, Seksyen 2, Taman Serdang Perdana 43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan.

(i) Ahli Sains Alam Sekitar

Tanggungjawab :

- Melaksana kerja alam sekitar termasuk audit tapak, penyeliaan tapak, pemantauan, EIA, EMP dan pelbagai kajian alam sekitar.
- Membuat laporan teknikal bertulis, cadangan, penyediaan dan pembentangan.
- Membantu dalam pembangunan bisnes, pengurusan projek, penyelarasan dan kerjasama dengan pelbagai ahli pasukan – sektor awam dan swasta.

Kelayakan bagi jawatan di atas :

- Ijazah pertama/sarjana dalam Sains Alam Sekitar atau yang setaraf dengannya dan PNGK 3.0 atau kepujian Kelas Kedua Atas.
- (a) Nyatakan susunan komponen utama dan sub-topiknya dalam penyediaan satu Laporan Kajian Kesan Alam Sekitar (EIA : Environmental Impact Assessment).  
(50 markah)
- (b) Mengapakah EIA dianggap sebagai suatu keperluan sebelum sesuatu projek pembangunan diluluskan oleh pihak berkuasa?  
(30 markah)
- (c) Justifikasikan keperluan mewujudkan satu pasukan antara disiplin dalam mengendalikan suatu kajian EIA.  
(20 markah)

2. Baca terjemahan iklan yang tersiar dalam New Straits Times, Selasa, 14 November, 2002 (mukasurat L15) berikut.

**Pemberitahuan Ketiga**  
**Perusahaan Otomobil Nasional Berhad**

Terma rujukan (TOR) bagi Kajian Kesan Alam Sekitar Terperinci (DEIA: Detailed Environmental Impact Assessment) bagi cadangan Insinerator Sisa Berjadual di Kilang Proton, Tanjung Malim, Perak oleh Perusahaan Otomobil Nasional Berhad.

Sila maklum bahawa Jabatan Alam Sekitar dalam proses mengkaji TOR di atas. Orang ramai dijemput mengemukakan komen bertulis tentang TOR yang boleh dirujuk dilokasi berikut : -

- |  |   |
|--|---|
| <p>i. Perpustakaan<br/>Jabatan Alam Sekitar<br/>Ibu Pejabat, Aras 5<br/>Blok C4, Parcel<br/>Pusat Pentadbiran Kerajaan<br/>Persekutuan<br/>62662 Putrajaya</p> | <p>ii. Majlis Daerah Tanjung Malim<br/>Behrang 2020<br/>Peti Surat 59<br/>35900 Tanjung Malim<br/>Perak</p> |
| <p>iii. Balai Polis Tanjung Malim<br/>35900 Tanjung Malim<br/>Perak</p>  | <p>iv. Pejabat Penghulu<br/>Mukim Ulu Bernam<br/>35900 Tanjung Malim, Perak</p>                             |
| <p>v. Semua Jabatan Alam Sekitar<br/>Pejabat Negeri</p>  |   |

Orang ramai boleh menyemak TOR bagi DEIA selama dua minggu mulai 14/11/02 hingga 28/11/02 dan menyerahkan komen bertulis ke Jabatan Alam Sekitar sebelum 5/12/02. Komen bertulis perlu diserahkan kepada :

Director General  
Department of Environment  
Level 3 – 7 Block C4, Parcel C.L  
Federal Government Administrative Centre  
62662 Putrajaya  
(Attn: Bahagian Penilaian Alam Sekitar)

Tel : 03 – 88858301 or Fax 03 – 88891045 or E mail : Faizal @ jas. sains.my

- (a) Beri komen tentang keberkesanan media massa dalam menyedarkan kepentingan alam sekitar kepada orang ramai. (30 markah)
- (b) Nyatakan bagaimana anda dapat memberi sumbangan positif seperti yang tersirat oleh iklan tersebut. (40 markah)
- (c) Mengapakah penyertaan orang ramai di Malaysia kecuali Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam aspek kepentingan alam sekitar tempatan dan nasional tidak menyerlah seperti di negara maju ? (30 markah)

3. (a) Mengapakah komponen alam sekitar perlu diberi perhatian penting dalam perancangan guna tanah sesebuah bandar ?  
(40 markah)
- (b) Jelaskan cakupan analisis yang perlu diambil kira dalam merangka dan mengkaji impak sesuatu projek pembangunan bagi suatu unit pentadbiran (negeri, daerah, kerajaan tempatan)  
(60 markah)

**Bahagian B** (Jawab DUA soalan sahaja)

4. Telitikan terjemahan petikan akhbar New Straits Times, Selasa , 12 November 2002 seperti di bawah :

Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) telah mengambil inisiatif untuk membina satu “pusat beli balik” (buy back centre) bertujuan memotivasikan penduduk bandaraya menyertai secara aktif dalam kempen kitar semula (Kerajaan).

Pusat tersebut dengan kos RM23,000 bertempat di lot letak kereta Kompleks Kristal BDC.

Datuk Bandaraya, semasa majlis pembukaan rasmi sempena dengan hari Kitar Semula Kebangsaan 2002 berkata, “Konsep pusat beli balik ialah untuk menggalakkan penduduk bandaraya (Kuching Selatan) melibatkan diri secara aktif dalam kempen kitar semula. Kejayaan kempen seperti ini bergantung bukan sahaja kepada MBKS tetapi juga kerjasama dan sokongan oleh sekolah, penduduk taman perumahan dan penghuni bangunan komersial”.

- (a) Bincangkan langkah bagi menjayakan kempen kitar semula sisa pepejal.  
(20 markah)
- (b) Nyatakan sebab kempen kitar semula sisa pepejal di kebanyakan bandar Malaysia kurang berjaya.  
(20 markah)
- (c) Perincikan satu sistem pengurusan sisa pepejal yang efektif bagi sebuah bandaraya.  
(60 markah)

5. Telitikan petikan pernyataan berikut :

“Malaysia dijangka menerima 15 juta pelancong dalam tahun 2003”

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Malaysia  
(iklan The Star; Isnin, 25 November 2002).

- (a) Bincangkan bagaimana sektor ekopelancongan (ecotourism) dan agropelancongan (agrotourism) mampu memberi sumbangan terhadap penjanaan pendapatan negara.  
(40 markah)
- (b) Dalam konteks biodiversiti akan terdapat konflik antara memajukan tapak terpilih (taman negara, kawasan unik, taman laut) dengan usaha mengekalkan kualiti alam sekitar asli. Bincangkan cara/langkah-langkah menangani konflik kepentingan tersebut. Beri contoh-contoh terpilih.  
(60 markah)
- 
6. (a) Jelaskan mengapa pengurusan sumber air penting bagi menjamin pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat dapat dikekalkan secara berterusan.  
(50 markah)
- (b) Hutan dan perikanan merupakan sumber yang boleh diperbarui yang penting bagi negara Malaysia. Bincangkan.  
(50 markah)